

SEKITARAN MDBG



MAJLIS APRESIASI KECEMERLANGAN MDBG TAHUN 2023

*Majlis disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Nor Sham binti Rahman,
TSUK Negeri Perak (Pengurusan)*

LUKISAN MURAL PUSING

Tarikan baharu Pekan Pusing



PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM DAN PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2024

12 Januari 2024 - Telah berlangsung Majlis Perhimpunan Penjawat Awam dan Perutusan Tahun Baharu 2024 yang telah diadakan di Auditorium Majlis Daerah Batu Gajah dengan dihadiri oleh semua penjawat awam Majlis Daerah Batu Gajah dan Ahli-Ahli Majlis. Dalam perutusan tersebut Yang Dipertua, Tuan Mohamad Razif bin Ramli telah menitipkan beberapa nasihat dan peringatan penting untuk diberi perhatian dan tindakan oleh semua anggota bagi mendepani cabaran pada tahun 2024.

Beliau turut berkongsi 5 fokus utama kerajaan negeri seperti yang disampaikan oleh YAB Menteri Besar Perak khususnya dalam meraikan kedatangan pelancongsempena Tahun Melawat Perak 2024. Aspek kebersihan, keceriaan dan pencahayaan perlu dititikberatkan agar pelancong yang datang kelak dapat menikmati pesona dan keindahan yang dimiliki di Batu Gajah khususnya.

Sebelum majlis berakhir beliau turut menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan kepada jabatan dan anggota yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2023.





Majlis Perasmian Lukisan Mural dan Menandatangani Persefahaman Antara Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Seri Iskandar

Pusing (29 Januari 2024) – Telah berlangsung dengan jayanya Majlis Perasmian Lukisan Mural dan Menandatangani Persefahaman antara Majlis Daerah Batu Gajah dan Universiti Teknologi Mara Cawangan Seri Iskandar.

Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Steven Tiw Tee Siang, ADUN Tronoh. Pelbagai input dan cadangan YB telah diambil maklum bagi perkembangan pelancongan dan peningkatan ekonomi menerusi aktiviti keceriaan kawasan setempat.

Terima kasih diucapkan kepada UiTM Cawangan Seri Iskandar, agensi kerajaan dan swasta serta komuniti penduduk Pusing yang bersama-sama membantu dalam penghasilan mural ini




YB Tuan Steven Tiw Tee Siang menyerahkan Sijil Penghargaan kepada Puan Tang Sam Mooi, yang potret wajahnya menghiasi mural di Pekan Pusing.

Majlis Perasmian

LUKISAN MURAL

**& MENANDATANGANI PERSEFAHAMAN
ANTARA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN SERI ISKANDAR**





← PUSING PAPAN

MAJLIS PERSEKUTUAN
LUMBUK MUKAL DI PUSING PAPAN DAN
MENDAKYATKAN PERSEKUTUAN
MAJLIS DARI BATU BALAN
UNIVERSITI TEKNIK DAN HABA
CAHANGAN BANI ISMAIL

SYED
RAZIAN
ISTUC

IAN

AFT

SMIDAHANIM



MURALISM

Pameran Mural & Pelancaran Buku

Seri Iskandar (18 Januari 2024) - Majlis Daerah Batu Gajah telah menerima jemputan bagi Majlis Pelancaran Buku Muralism berkaitan lukisan yang telah dilaksanakan secara koleberasi antara Majlis Daerah Batu Gajah dan Universiti Teknologi Mara (cawangan Seri Iskandar).

Lukisan mural dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah secara langsung diilhamkan dari pandangan komuniti setempat dan dizahirkan oleh tenaga pakar dari Universiti Teknologi Mara (cawangan Seri Iskandar).

Semoga usaha ini dapat memastikan keceriaan dalam kawasan pentadbiran selain memberi tarikan yang dapat mengembangkan ekonomi komuniti setempat.



MAJLIS PERASMIAN TAMAN TEMA ESCAPE

**OLEH
YANG AMAT BERTHORMAT
MENTERI BESAR PERAK**

24 Februari 2024 (Batu Gajah) - YAB Menteri Besar Perak, Dato Seri Saarani Mohamad telah merasmikan pembukaan Taman Tema Escape yang telah didirikan dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah. Taman tema ini akan dibuka sepenuhnya selepas Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Pastinya, limpahan ruang peningkatan ekonomi dapat diperoleh komuniti setempat menerusi janaan ruang pekerjaan, perniagaan, sewaan dan lain-lain. Semoga projek yang sedang diusahakan ini dapat memberi manfaat serta perkembangan positif dalam memacu pembangunan di Batu Gajah. Moh ke Batu Gajah!

#VisitPerak2024

#PromisingPerak

#PerakSejahtera2030





Majlis Doa Selamat & Pelancaran Pameran Sementara Rumah 1916

1 Jun 2024, Sabtu | No. 15 Lorong Mat Saman
(Lot 11158), off Jalan Kelab, Batu Gajah

Binaan bangunan tahun 1916 ini merupakan antara bangunan yang tersenarai dalam Rancangan Tempatan Batu Gajah sebagai bangunan berkepentingan warisan di bawah nama "Royal English School", namun begitu, pencerahan terkini yang diterima daripada pihak pemilik, Warisan Keluarga AlBakri - bangunan ini sebenarnya pada asalnya dibina sebagai kediaman Toh Seri Amar Diraja Haji Sulaiman dan isteri beliau, Andak Jijah binti Toh Sedewa Raja Domba. Ia pernah disewa untuk menempatkan beberapa buah sekolah, iaitu Sekolah Perniagaan Rakyat, Sekolah Sultan Yussuf, Royal English School dan Kelas Komputer antara tahun 1963 sehingga 1997.

Toh Seri Amar Diraja merupakan entiti penting dalam sejarah Batu Gajah sebagai pelopor Kampung Sungai Terap, iaitu petempatan terawal di daerah ini, bermula dengan moyang beliau, Toh Panjang Bongkok. Jalan Pandak Akhat, antara jalan utama di bandar ini, adalah bersempena nama bapa beliau, Toh Seri Amar Diraja Pandak Akhat. Beliau juga antara personaliti Batu Gajah yang berpengaruh pada hayatnya. Keluarga ini mewarisi gelaran Toh Seri Amar Diraja, merangkap pangkat sebagai salah seorang daripada Orang Besar Enam Belas Kerajaan Perak. Bapa mertua Toh Amar Sulaiman, Toh Sedewa Raja Domba juga berpangkat Orang Besar Enam Belas.

Sejarah keluarga Orang Besar Enam Belas ataupun penduduk awal di Batu Gajah kurang disingkap selama ini. Inisiatif Warisan Keluarga AlBakri untuk mengkaji latar belakang keluarga mereka dan juga memulihara Rumah 1916 ini amat dialu-alukan. Ianya membawa manfaat kepada warga Batu Gajah untuk memahami sejarah setempat dengan lebih mendalam. Sebuah lagi monumen ikonik bakal di buka, Batu Gajah Bandar Pentadbiran Warisan.





Sesi Libat Urus,
**LAWATAN TAPAK &
TURUN PADANG**





Sesi Libat Urus Bersama Komuniti Taman Raia Mesra, Simpang Pulai

Simpang Pulai (29 Januari 2024) – Keperluan komuniti setempat adalah sebuah tugas yang perlu dilengkapkan oleh Majlis Daerah Batu Gajah. Isu atau perkara berbangkit wajar dilaporkan menerusi platform yang tepat agar ia dapat diselesaikan dengan berhemah.

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Majlis dan komuniti penduduk yang dapat melaksana perbincangan serta melontarkan input yang berkesan untuk tindakan lanjut Majlis Daerah Batu Gajah.



Sesi Libat Urus Bersama Komuniti Peniaga di Pekan Tanjung Tualang

Tanjung Tualang (31 Januari 2024) - Majlis Daerah Batu Gajah komited dalam menitikberatkan keperluan peniaga kecil di seluruh kawasan pentadbiran dalam usaha meningkatkan ekonomi komuniti setempat.

Usaha ini pasti tidak berhasil tanpa libat urus berkesan antara ketua komuniti, Ahli Majlis, Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan kumpulan sasar bersama Majlis Daerah Batu Gajah.

Semoga sesi yang berlangsung ini dapat memberi manfaat yang terbaik kepada peniaga setempat.



Sesi Libat Urus Majlis Daerah Batu Gajah Bersama Komuniti Penduduk Kampung Pisang

Batu Gajah (10 Mac 2024) - Telah berlangsung program gotong-royong komuniti penduduk Kampung Pisang bersama Majlis Daerah Batu Gajah dengan jayanya.

Turut bersama menyertai adalah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), penduduk Kampung Pisang dan komuniti Penduduk Taman Desa Sentral. Skop program merangkumi pembersihan sekitar kawasan surau dan pemangkasan dahan pokok di sepanjang laluan utama kampung.

Semoga usaha ini dapat diteruskan ke arah membentuk sebuah komuniti yang mampan.



Sesi Libat Urus Majlis Daerah Batu Gajah Bersama YB Adun Malim Nawar dan Komuniti Peniaga Bil. 7/2024 (Serahan Sumbangan Kepada Peniaga)

Tg. Tualang 15/5/24- Memahami denyut nadi komuniti peniaga dalam kawasan pentadbiran merupakan aspirasi pentadbiran kerajaan negeri Perak.

Menerusi inisiatif sesi libat urus bersama peniaga, kini peniaga di sepanjang laluan jalan besar Tg. Tualang telah ditempatkan ke Dataran Niaga Tanjung Tualang (tapak pasar malam/pagi). Sepanjang tempoh penyediaan lokasi baru pastinya terdapat isu yang menyukarkan peniaga pada peringkat awal.

Menerusi siri perbincangan bersama, YB Bavani Veraiah, ADUN Malim Nawar telah memberi bantuan kepada peniaga agar kelangsungan perniagaan dapat berjalan lancar. Melalui Program Serahan Sumbangan yang telah berlangsung pada hari ini, semua peniaga telah menerima sumbangan menerusi wakil YB ADUN Malim Nawar. Pentadbiran ini merakam penghargaan diatas kerjasama semua pihak yang terlibat dalam menjayakan usaha ini.



Lawat Tapak Yb Dato' Salbiah Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi ke Bazar Ramadan Dataran Orkid, Batu Gajah

Lawatan bertujuan untuk memberi galakan dan advokasi perkara-perkara yang berkaitan dengan keusahawanan kepada para peniaga bazar Ramadan. Selain itu juga mendekatkan lagi agensi keusahawanan dengan para usahawan yang berniaga di bazar Ramadan ini.

Diharapkan lawatan ini sedikit sebanyak dapat memberikan pendedahan kepada para usahawan di masa akan datang ke arah membentuk komuniti Batu Gajah yang lestari.



Lawat Tapak ke Bazar Ramadan dalam Kawasan Operasi Majlis Daerah Batu Gajah

Batu Gajah - Keperluan memahami isu berbangkit di lapangan adalah sebuah mekanisme bagi memastikan kesejahteraan komuniti.

Program lawat tapak oleh YB ADUN Tronoh En. Steven Tiw Tee Siang, Pengurusan tertinggi Majlis Daerah Batu Gajah, Pejabat Kesihatan Daerah Kinta dan Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Pengguna (KPDNKK) pada hari ini bertujuan untuk memastikan keselamatan kualiti makanan dan harga makanan di bazar ramadan kawasan Majlis Daerah Batu Gajah dalam keadaan terkawal selain ramah mesra bersama pengunjung serta peniaga.

Agihan bubur lambuk dan penyerahan cenderamata kepada peniaga juga dilaksana. Elemen bandar pintar seperti menggalakkan transaksi tanpa tunai, kempen kurangkan penggunaan beg plastik dan amalan membawa bekas sendiri daripada rumah juga dapat diketengahkan menerusi program ini.



Lawat Tapak Majlis Daerah Batu Gajah Ke CT Agrofarm Tg.Tualang

Tg. Tualang-14 Mei 2024, Sempena Tahun Melawat Perak 2024, Majlis Daerah Batu Gajah mengambil inisiatif untuk mengukuhkan hubungan baik bersama operator produk pelancongan yang berada dalam kawasan operasi Majlis Daerah Batu Gajah.

Tuan Yang Dipertua, Tuan Setiausaha dan pasukan teknikal MDBG melaksana sesi perjumpaan bersama operator produk dalam usaha mengiatkan promosi pelancongan dan pembangunan komuniti setempat.

CT Agrofarm merupakan sebuah kawasan tarikan pelancongan yang berada dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah, semoga seluruh komuniti memperoleh manfaat sepertimana objektif Tahun Melawat Perak 2024 yang telah ditetapkan.



Turun Padang Bersama YB Puan Bavani A/P Veraiah, Pusat Khidmat Adun Malim Nawar

Tanjung Tualang - Majlis Daerah Batu Gajah telah menganjurkan program turun padang bersama YB Puan Bavani, Tuan Setiausaha, Ahli Majlis, dan jabatan terlibat bagi pemantauan serta MDBG menyantuni komuniti setempat pada 6 Mac yang lalu.

Objektif utama anjuran program termasuk cadangan menaik taraf Pasar Awam Tg. Tualang, Medan Selera Tg. Tualang dan pembaikan segera beberapa infrastruktur untuk kemudahan bersama.

Semoga usaha yang dilaksana ini dapat memberi keselesaan dan meningkatkan kesejahteraan komuniti di kawasan ini.



MAJLIS APRESIASI KECEMERLANGAN TAHUN 2023 MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

disempurnakan oleh

DATO' NOR SHAM BINTI RAHMAN
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

16 FEBRUARI 2024 | WEIL HOTEL



16 Februari 2024 - MDBG telah meraikan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023 yang telah diadakan di sebuah hotel di Ipoh pada hari ini. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Nor Sham binti Rahman, TSUK Negeri Perak (Pengurusan).

Setinggi tahniah diucapkan kepada semua penerima dan diharapkan terus mempamerkan kecemerlangan, melaksanakan tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan berintegriti serta menjadi dorongan kepada anggota yang lain. Majlis ini turut meraikan pesara yang telah meninggalkan perkhidmatan mereka dengan MDBG pada tahun 2023. Sesungguhnya jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan amatlah dihargai serta disanjung.

Majlis turut dihadiri oleh Yang Dipertua, Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Setiausaha, Ahli Majlis dan keluarga besar MDBG.



Barisan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



Tuan Setiausaha mewakili semua warga Majlis Daerah Batu Gajah, menerima Anugerah Yang Dipertua



Penghargaan kepada pesara tahun 2023

Wakil penerima Anugerah Terampil



LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS DAERAH PENDANG KE MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

07 Februari 2024 (Rabu) - Majlis Daerah Batu Gajah(MDBG) telah menerima kunjungan daripada Majlis Daerah Pendang bagi mempelajari lebih lanjut mengenai pelaksanaan sistem eLesen.

Lawatan yang diketuai oleh Puan Siti Nur Hanani binti Sukarno disambut oleh Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah bersama-sama ketua-ketua jabatan.

MDBG mengharapkan lawatan ini dapat membantu bagi mendapatkan input-input yang perlu untuk diimplementasi kepada peniaga-peniaga di bawah pentadbiran Majlis Daerah Pendang.

Komuniti penduduk Batu Gajah yang berniaga disaran bagi membuat permohonan lesen dan pembaharuan lesen perniagaan melalui pautan atas talian di <https://elesen.kpkt.gov.my>



LAWATAN DARI PESERTA BAGI PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR ANTARA KOTA MEDAN, INDONESIA DAN BANDAR RAYA IPOH

27 Jun 2024, Batu Gajah – Majlis Daerah Batu Gajah telah menerima kunjungan deligasi dari Kota Medan Indonesia menerusi program yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh. Skop lawatan merangkumi sesi perkongsian kedua negara selain perkembangan pelancongan. Pastiya medium promosi yang digunakan dapat menarik lebih ramai pelancong dari luar negara ke Malaysia khususnya Perak dan Batu Gajah.

Limpahan ekonomi yang diperoleh pastiya kembali kepada komuniti untuk jangka masa panjang. Kebersihan kawasan pentadbiran harus sentiasa dijaga dan ia menjadi tanggungjawab kita bersama. Kurang manis dalam gula dan tambah manis dalam senyuman.



SEKITARAN PENGAUDITAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB PBT) DI MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Batu Gajah - 6 Mei 2024 (Isnin) Majlis Daerah Batu Gajah telah selesai diaudit bagi penetapan pencapaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB PBT).

Menerusi pengauditan ini, pastinya terdapat banyak ruang penambahbaikan yang wajar dilaksana bagi memastikan kualiti perkhidmatan dan pembangunan seiring dengan keperluan komuniti setempat.

Semoga keputusan yang diperolehi dapat memastikan Majlis Daerah Batu Gajah berada pada landasan yang tepat serta memberi impak positif kepada komuniti secara keseluruhan.



SIJIL PENGHARGAAN PELAKSANAAN DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM 2.0 (DDMS 2.0)

MDBG telah menerima Sijil Penghargaan Pelaksanaan DDMS 2.0 dalam satu majlis Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2024 & Cakna Pengurusan Rekod Pihak Berkuasa Tempatan yang diadakan di Dewan Sivik MBPJ petang tadi. Yang Dipertua, Tuan Mohamad Razif bin Ramli telah menerima Sijil Penghargaan tersebut yang disampaikan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara. MDBG merupakan salah satu dari tiga PBT seluruh Malaysia yang telah melaksanakan DDMS 2.0 selain Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Daerah Pendang.

DDMS 2.0 atau Digital Document Management System 2.0 adalah perkhidmatan pengurusan rekod mengikut kitaran hayat rekod Kerajaan bermula dari pewujudan, penyimpanan, penyenggaraan dan pelupusan rekod secara elektronik.

DDMS 2.0 membolehkan semua rekod kerajaan ditawarkan dan diakses melalui internet, di mana-mana sahaja 24 jam sehari dan memenuhi ciri sebagai pusat sumber maklumat sesebuah organisasi di mana semua rekod dan dokumen tersedia untuk diakses oleh pengguna dan boleh dikongsi untuk kegunaan bersama.

Tahniah diucapkan kepada semua warga kerja MDBG yang telah bertungkus lumus selama hampir 2 tahun bagi merealisasikan pelaksanaan DDMS 2.0.





Batu Gajah - 23 Jun 2024 , Majlis Daerah Batu Gajah merakam ucapan terima kasih kepada komuniti yang komited dan mempunyai tahap kesedaran tinggi dalam penganjuran program berkonsepkan 3R.

Semoga usaha ini dapat memastikan kelestarian alam sekitar untuk jangka masa panjang.

*#batugajahbersihhijauindah
#program3R
#kitarsemula*

**PENGANJURAN
PROGRAM
3R MARKET
@ DATARAN
KOMUNITI
BATU GAJAH**



RECYCLE



Save Energy





PROGRAM GOTONG ROYONG KOMUNITI PENDUDUK KAMPUNG GUNUNG HIJAU BERSAMA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Pusing (27 Januari 2024) - Telah berlangsung program gotong royong komuniti penduduk Kampung Gunung Hijau bersama Majlis Daerah Batu Gajah dengan jayanya. Turut bersama menyertai adalah Komuniti Kepolisan (Community Police) Cawangan Pusing, komuniti penduduk Pusing A & B, penduduk Kampung Gunung Hijau, dan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Skop program merangkumi pembersihan kawasan dewan org ramai dan pemangkasan pokok di sepanjang laluan. Semoga usaha ini dapat memastikan persekitaran yang ceria dan bersih kepada komuniti setempat.



PROGRAM GOTONG-ROYONG SECARA CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) MAJLIS DAERAH BATU GAJAH (MDBG) BERSAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ST. BERNADETTE'S CONVENT

Batu Gajah (17 Mac 2024) - Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Bernadette's Convent.

Majlis Daerah Batu Gajah memberi sokongan dalam setiap program pembangunan komuniti setempat. Program ini menyasarkan pembersihan dan kekemasan kawasan padang sekolah bersama PIBG serta pihak pengurusan Sekolah. Semoga bantuan yang diberikan dapat memberi keselesaan kepada murid dan tenaga pengajar ke arah membentuk komuniti yang lestari pada masa akan datang.



SESI LATIHAN DAN GO LIVE DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM 2.0 MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Pasukan Projek *Digital Document Management System 2.0* (DDMS 2.0) daripada Jabatan Digital Negara (JDN) hadir memberikan sesi latihan dan pelaksanaan DDMS 2.0 kepada Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) yang telah diadakan pada 16 dan 17 April 2024 di Bilik Alamanda, Aras 1, MDBG.

Sesi ini turut dihadiri oleh TPr. Encik Andri Arif, Setiausaha MDBG. Sebagai makluman, MDBG merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di Perak dan PBT ketiga di Malaysia yang melaksanakan inisiatif DDMS 2.0 ini.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada MDBG atas sokongan dalam mentransformasikan pengurusan rekod secara digital.



SEKITARAN PROGRAM ECO GREEN MARKET MAJLIS DAERAH BATU GAJAH DI CAMFIL MALAYSIA SDN. BHD.

19 April 2024- Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah menerima undangan daripada Camfil Malaysia Sdn. Bhd. untuk mengadakan Program Kitar Semula melalui Program Eco Green Market (E-Waste) pada 18 April 2024. Program ini menyasarkan kutipan barangan kitar semula kategori elektronik untuk ditukarkan kepada barangan keperluan harian.

MDBG juga turut merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih atas undangan dan sambutan yang diberikan. Diharapkan pendekatan seperti ini dapat menjadikan persekitaran kita lebih bersih dan mesra alam.

Semoga program seperti ini dapat dipraktikkan dan diamalkan secara berterusan.
#batugajahbersihhijauindah



SESI PEMBERIAN INSENTIF OLEH KERAJAAN NEGERI PERAK KEPADA PESARA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Pengorbanan anda dalam melangsung penyampaian perkhidmatan di Majlis Daerah Batu Gajah amat dihargai.

Batu Gajah, 22 April 2024, Majlis Daerah Batu Gajah menerusi Jabatan Khidmat Pengurusan telah mengambil inisiatif untuk menjemput pesara yang telah berkhidmat di pentadbiran ini. Seramai enam (6) orang pesara Majlis Daerah Batu Gajah telah hadir ke sesi pemberian insentif oleh Kerajaan Negeri Perak.

Semoga semua pesara memperoleh kesihatan yang baik dan sentiasa dimurahkan rezeki. Terima kasih di atas sumbangan.



MYBG SENAM DAN SIHAT

31 Mei 2024 – Badan sihat otak cerdas. Dalam mengekalkan cara hidup yang sihat dikalangan warga kerja, Majlis Daerah Batu Gajah telah mengadakan program MyBG Senam dan Sihat yang telah berlangsung pada pada 31 Mei 2024 (8.00 pagi)

Antara aktiviti yang dilakukan adalah senaman regangan badan dan larian sejauh 2.5 kilometer. Semoga aktiviti sebegini dapat meningkatkan produktiviti dan mutu perkhidmatan secara berterusan serta mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan ceria.



KARNIVAL AGRO PELANCONGAN PERAK (PAC2024)

Karnival Agro Pelancongan (PAC2024) telah diadakan di Resort Tasik Raban, Lenggong, pada 17 - 19 Mei 2024. Majlis Daerah Batu Gajah turut menyertai karival ini bagi mempromosikan tempat dan produk pelancongan yang terdapat di Batu Gajah.



PROGRAM GOTONG ROYONG KORBAN 2024

19 Jun 2024 –"Oleh itukerjakan lah solat kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur)" - Al-Kauthar 108:2.

Pada hari ini telah berlangsung program gotong royong korban 2024 Majlis Daerah BatuGajah. Program ini telah diadakan di ruangan parkir pejabat dan sebanyak 2 ekor lembu telah dikorbankan dengan daging korban telah diagihkan kepada seluruh warga kerja MDBG.

Semoga ibadah ini diterima disisi Allah swt dan dapat mengeratkan ukhwah di antara anggota MDBG.



DAULAT TUANKU

MERAFAK SEMBAH UCAPAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG,
SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR

&

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG,
RAJA ZARITH SOFIAH BINTI ALMARHUM SULTAN IDRIS SHAH

31 JANUARI 2024 (19 REJAB 1445H)

Sembah Takzim Daripada:



Majlis Daerah Batu Gajah

SIDANG REDAKSI

Penasihat

**Mohamad Razif bin Ramli., PMP., AMP.,
Yang Dipertua**

Ketua Editor

**TPr. Encik Andri Arif
Setiausaha**

Penolong Ketua Editor

Makhlis bin Othman

Sidang Editor / Media Sosial

**Mohamad Shah Ridla bin Mohd Ismet
Mohd Omar bin Shoib
Hawa Syazwani binti Abdul Aziz**

Reka Bentuk / Grafik

Fatin Hazwani Binti Tarmidzi

Fotografi

**Nazrul Aswad bin Nazri
Muhamad Fitri bin Abdul Rahman
Muhammad Amar Syahmi bin Azhar**

Diterbitkan oleh:

**Majlis Daerah Batu Gajah Jalan Haji Abdul Wahab,
31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan.**

Telefon : 05-363 2020

Faks : 05-366 5930

E-mel : pentadbiran@mdbg.gov.my

Facebook : www.facebook.com/mdbatugajah





2030
PERAK
SEJAHTERA



KEMPEN BEBAS BEG PLASTIK

MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

MULAI

1 JANUARI 2024

SETIAP HARI SABTU

Caj RM0.20 sen akan dikenakan kepada pengguna untuk setiap helai beg plastik.

**DI PASAR RAYA DAN PREMIS
PERNIAGAAN TERPILIH.**



*Gantikan dengan
beg guna semula!*

#bawabegandasendiri